

DATE: 29/10/2009

JENAMAKAN PERANG

UM - 39/10/09

Ekonomi Iraq lumpuh angkara AS

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Pencerobohan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq, tujuh tahun lalu bukan sahaja membunuh ribuan nyawa penduduk awam malah turut melumpuhkan ekonomi negara Teluk tersebut.

Menurut bekas pensyarah Universiti Baghdad, Dr. Khudair Waheed Hussein, pencerobohan itu langsung tidak membawa kesenangan atau keamanan seperti yang didakwa tetapi mendatangkan kesengsaraan kepada rakyat Iraq berbanding sebelum itu.

"Sejak pencerobohan AS, kadar pengangguran di negara itu melambung ke paras 42 peratus.

"Bidang pertanian turut lumpuh kerana

sumber-sumbernya tidak lagi boleh dibangunkan," kata pakar perubatan yang kini mengajar di Universiti Syria itu.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Perang Ekonomi: Sekatan Ekonomi Sebagai Serjanta Peperangan* pada Persidangan Antarabangsa

Menjenayahkan Perang

anjuran Pertubuhan

Keamanan Sedunia Perdana

(PGPO) dan Yayasan

Menjenayahkan Perang Kuala

Lumpur (KLFCW) di Pusat

Dagangan Dunia Putra

(PWTC) di sini hari ini.

Beliau turut menyuarakan kekecewaan dengan tindakan AS yang telah

menghancurkan negaranya

selain memusnahkan masa

depan rakyat di negara yang

kaya dengan sumber minyak

tersebut.

"Lebih 5,500 saintis dan

pakar dalam pelbagai bidang

terbunuh dalam peperangan

yang seakan belum ada

penghujungnya itu.

"Ketika ini, hampir 70

peratus hospital di Iraq tidak

dapat digunakan kerana

kekurangan kelengkapan

perubatan," tegasnya lagi.